

# SENARAI SEMAK PERMOHONAN PATEN / PERBAHARUAN UTILITI DI MyIPO

## BORANG 1/ BORANG 14 + FI

Permintaan bagi pemberian paten/ Permohonan pemberian sijil perbaharuan utiliti.

## SPESIFIKASI

Spesifikasi ialah koleksi dokumen yang menjelaskan mengenai reka cipta, langkah merekacipta dan penggunaannya. Spesifikasi lengkap terdiri daripada **Perihalan, Tuntutan, Ringkasan dan Lukisan (jika ada)**.

### Perihalan

Perihalan harus menjelaskan reka cipta secara terperinci ketika ia difailkan kerana segala maklumat baharu tidak boleh ditambah selepas pemfailan dibuat.

#### Tajuk Reka Cipta

Tajuk mestilah menunjukkan dengan tepat dan ringkas mengenai subjek reka cipta dan hendaklah sama seperti tajuk dalam Borang Permohonan dan Abstrak.

#### Bidang Teknikal

Bahagian ini perlu menerangkan latar belakang atau teknologi yang berkaitan dengan reka cipta. Tajuk yang dipilih dan bidang teknikal mestilah konsisten dengan fungsi atau tujuan dalam tuntutan bebas.

#### Latar Belakang Reka Cipta

Bahagian ini menerangkan reka cipta terdahulu bagi memahami reka cipta tersebut dengan membincangkan apa-apa kekurangan atau masalah yang terdapat pada reka cipta terdahulu.

#### Ringkasan Reka Cipta

Bahagian ini akan menerangkan penyelesaian dan kelebihan reka cipta ini berbanding reka cipta terdahulu. Ia biasanya diambil daripada tuntutan yang paling luas skopnya (iaitu tuntutan bebas) dan diikuti oleh beberapa tuntutan bersandar.

#### Penerangan Ringkas Lukisan (jika ada)

Dalam bahagian ini, beberapa lukisan yang relevan dari pandangan yang berbeza disenaraikan bersama dengan penjelasan ringkas dalam satu ayat pendek.

#### Penerangan Terperinci Reka Cipta

Bahagian ini perlu menerangkan gambaran reka cipta dengan sewajarnya dengan merujuk kepada lukisan (jika ada). Penerangan mesti menggambarkan ciri-ciri teknikal gambaran utama yang dikehendaki dengan terperinci, dan perkaitan antara satu sama lain serta mesti menerangkan bagaimana gambaran utama itu beroperasi.

**Tuntutan**

Tuntutan adalah penting kerana ia menentukan skop monopoli yang diberikan oleh sesuatu paten. Tuntutan mestilah mentakrifkan subjek reka cipta yang ingin dilindungi, jelas dan tepat serta disokong sepenuhnya oleh perihalan, dengan kata lain, ciri-ciri teknikal dalam tuntutan mestilah diterangkan lebih awal dalam perihalan.

**Ringkasan**

Ringkasan haruslah menyatakan bidang teknikal reka cipta, menjelaskan masalah teknikal, penyelesaian kepada masalah serta prinsip yang digunakan oleh reka cipta. Abstrak mesti ditulis dalam satu perenggan dan disyorkan hanya mengandungi 150 patah perkataan.

**Lukisan (jika ada)**

Permohonan perlu mengandungi lukisan jika lukisan diperlukan bagi memahami subjek reka cipta. Setiap ciri teknikal dalam lukisan juga mesti diikuti oleh nombor rujukan yang sama dengan ciri-ciri teknikal dalam perihalan. Lukisan boleh disediakan sebagai contoh dari pandangan sisi berbeza reka cipta, atau carta alir bagi melakukan suatu kaedah.

**Senarai Jujukan (jika berkenaan)**

Permohonan yang berkaitan dengan bioteknologi yang melibatkan senarai jujukan (*sequence listing*) sama ada nukleotida atau protein. Adalah perlu untuk mendedahkan senarai jujukan yang berkaitan dalam spesifikasi.

**BORANG 17 + FI**

---

Pelantikan atau penukaran ejen paten.

**BORANG 22 + FI**

---

Penyataan justifikasi hak pemohon ke atas pate